

0918

B B567 AAB  
MAHATHIR-PENJARA R R R

KUALA LUMPUR, 18 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENERIMA LAPORAN DARIPADA KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR PAGI INI MENGENAI PENAHANAN DUA ORANG SEBAGAI TEBUSAN OLEH ENAM ORANG BANDUAN DI PENJARA PUDU DI SINI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA POLIS DAN JABATAN PENJARA SEDANG MENGENDALIKAN PERKARA ITU UNTUK MEMBEBASKAN SEORANG DOKTOR DAN SEORANG PEMBANTU HOSPITAL YANG DITAHAN SEJAK SEMALAM.

BELIAU MEMBERITAHU SATU PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI MENARA DATUK ONN DI SINI, BELIAU TIDAK LANGSUNG TERFIKIR PERKARA ITU BOLEH BERLAKU DAN KEJADIAN SEPERTI ITU TIDAK PERNAH TERJADI DI NEGARA INI.

DITANYA SAMA ADA, SETELAH MEMBACA LAPORAN ITU, BELIAU AKAN MEMBUAT APA-APA CADANGAN BAGI MENYELESAIKAN PERKARA ITU, BELIAU BERKATA: +PERKARA INI TIDAK DISANGKA.+

DR. RADZI JAAFAR, SEORANG PAKAR KULIT DARI FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DAN PEMBANTU HOSPITAL, ABDUL AZIZ ABDUL MAJID DITAHAN OLEH BANDUAN-BANDUAN BERKENAAN DI KLINIK PENJARA ITU SEJAK 9.30 PAGI SEMALAM. -- LAGI.  
1503MST 18 10 86

B B572 AAB  
MAHATHIR-PENJARA 2 KUALA LUMPUR

DITANYA MENGENAI LANGKAH KESELAMATAN YANG AKAN DIAMBIL EKORAN KEJADIAN ITU DAN SAMA ADA KEJADIAN ITU MENUNJUKKAN KAWALAN KESELAMATAN YANG LONGGAR DI PENJARA BERKEMAAN, BELIAU BERKATA:  
+SATU DARIPADANYA IALAH PENJARA BARU BELUM SIAP SEPENUHNYA, JADI TERDAPAT TERLALU BANYAK BANDUAN (DI PENJARA PUDU). INI MENYULITKAN KERJA-KERJA MENGAWAL MEREKA.+

DITANYA SAMA ADA PERUNTUKAN BAGI JABATAN PENJARA AKAN DITAMBAH MEMANDANGKAN MASALAH KEKURANGAN PERUNTUKAN PERNAH DISUARAKAN OLEH JABATAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA: +KEMUNGKINANNYA IALAH KITA KURANGKAN PERUNTUKAN SEBAB TIDAK ADA DUIT+.

MENURUTNYA, JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, PENJARA-PENJARA DI NEGARA INI LEBIH LENGKAP.  
+BAHKAN KALAU DIBANDING DENGAN NEGARA MAJU, PENJARA KITA LEBIH BAIK,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1521MST 18 10 86